



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TEKS PERUTUSAN  
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN  
KALI KE-52 TAHUN 2023**

**PADA  
16 MEI 2023**

**TEMA HARI GURU  
“GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Apa khabar semua?

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat meraikan sambutan Hari Guru tahun 2023 pada hari ini. Pastiya sejak dahulu lagi, kita sentiasa ternanti-nanti tanggal 16 Mei, untuk meraikan dan memberikan penghormatan serta penghargaan yang tidak terhingga terhadap jasa dan pengorbanan guru.

2. Terima kasih kepada semua warga guru yang sentiasa komited menyumbang khidmat bakti demi memastikan pendidikan anak bangsa terus berlangsung dengan mapan dan jaya walaupun diuji dengan pelbagai cabaran.

Warga guru dan murid yang dikasihi sekalian,

3. Sejak pembukaan sesi persekolahan 2023/2024 pada 20 Mac 2023, saya pasti bahawa guru sudah mengenali potensi awal anak murid untuk membina karakter Anak Baik lagi Cerdik (ABC). Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas berkenaan Pengurusan Minggu Pertama Persekolahan Mulai Sesi Akademik Tahun 2023/2024 KPM kepada sekolah, menyatakan bahawa tiada kelas akademik pada minggu pertama. Minggu pertama persekolahan seharusnya dimanfaatkan dengan pelaksanaan program atau aktiviti menyeronokkan yang dapat menyokong murid dan guru, agar

bersedia sepenuhnya dari aspek sosioemosi dan mental untuk melaksanakan proses pendidikan formal. Oleh itu, guru dapat memanfaatkan minggu pertama sebagai sesi suai kenal dan berinteraksi dengan murid bagi mengelakkan tekanan kepada murid, terutamanya anak murid yang baharu menjejakkan kaki ke alam persekolahan. Langkah ini merupakan usaha untuk mewujudkan **murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.**

### **TEMA HARI GURU: GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI**

4. Pada tahun ini, tema hari guru ialah '**Guru Insani Pemangkin Generasi Madani**'. Tema ini membawa pengertian yang cukup mendalam dan bermakna kerana guru merupakan nadi dalam sistem pendidikan negara. Peranan guru, bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu kepada murid, malah memastikan murid mempunyai sahsiah serta daya saing yang tinggi melalui penjiwaan amalan baik yang diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) merentas kurikulum di sekolah.

5. Tema ini, diilhamkan daripada amanat YAB Perdana Menteri untuk meningkatkan martabat guru sebagai agen penting dalam memperteguh peradaban bangsa melalui pendidikan. Guru menjadi pemangkin dan pemacu kepada keberhasilan pendidikan negara. Pemilihan tema tersebut amat bersesuaian dengan tugas dan peranan guru untuk memastikan pembentukan jati diri murid yang kukuh dan berkeyakinan tinggi. Pembentukan sikap ini, harus berlandaskan prinsip Rukun Negara serta nilai-nilai yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar berjaya mencapai karamah insaniah.

Warga guru dan murid yang dikasihi sekalian,

6. Pendidikan memerlukan perjuangan yang mapan. Usaha gigih dan keprihatinan para guru menentukan kejayaan anak murid. Bak kata pepatah, apa yang ditanam, itulah yang dituai. Andai jagung yang disemai, mana mungkin padi yang dituai. Justeru, guru, sebagai insan yang berilmu dan berkeperibadian tinggi, laksanakanlah tanggungjawab mendidik anak murid dari hati yang ikhlas untuk melahirkan anak yang baik lagi cerdik. Tautlah hati anak murid, bagi mewujudkan kepercayaan dan sentiasa memberi inspirasi kepada mereka, untuk menjadi seorang insan yang mulia. Cinta dalam pendidikan ialah cinta untuk mengisi hati dan minda dengan ilmu. Murid yang dididik dengan kecintaan ini, akan sentiasa ternanti-nanti masa dan peluang untuk ke sekolah bertemu dengan gurunya. Namun, rasa cinta ini hanya akan wujud dengan usaha yang ikhlas dari hati seorang guru untuk mendekati dan mendidik anak muridnya.

7. Profesion perguruan bukan mengajar ilmu akademik semata-mata, malah melangkaui dimensi lain bagi melahirkan dan memperkembang potensi individu yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Guru memegang amanah besar bagi melahirkan generasi masa hadapan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, keluhuran adab sopan, kemantapan integriti, dan sahsiah diri yang unggul. Oleh yang demikian, karisma seorang guru amat dituntut sebagaimana dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Guru.

Warga guru dan murid yang dikasihi sekalian,

8. Guru berjiwa pendidik ialah guru insani yang mempunyai fahaman yang jelas tentang matlamat sebenar pendidikan sebagaimana terkandung dalam Falsafah Pendidikan Guru, yang pada asasnya untuk memanusiakan manusia. Oleh itu, didiklah anak murid dengan seikhlasnya dari hati yang luhur. Guru yang berjiwa pendidik seharusnya kompeten dalam aspek pedagogi, sosial, profesional dan peribadi. Guru yang kompeten dalam semua aspek tersebut akan mendidik dengan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP), memberi tunjuk ajar dengan sentuhan kasih sayang, bertindak dengan penuh tanggungjawab dan menjadi suri teladan sekali gus menjadikan anak muridnya insan yang unggul.

9. Oleh itu, guru yang menghayati tugasnya sebagai pendidik, memiliki kualiti peribadi dan sosial yang baik agar dapat menjalankan tugas sebagai pendidik dengan lebih sempurna. Dengan perkataan lain, kunci kepada usaha untuk melahirkan insan berkualiti bergantung kepada kualiti insan guru itu sendiri.

## **ANAK YANG BAIK LAGI CERDIK**

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

10. Sesungguhnya, KPM menitikberatkan pembangunan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan **anak yang baik lagi cerdik** (ABC). Seorang guru berjiwa pendidik, memiliki kemampuan untuk mendidik hati anak

muridnya dengan memberi makna yang lebih mendalam terhadap ilmu intelektual yang dipelajari. Sentuhan akal dan hati ini akan menghidupkan emosi yang lebih stabil dan positif dan seterusnya membentuk akhlak yang baik. Maka, seorang guru yang benar-benar berjaya ialah seorang guru yang mampu melahirkan anak murid yang baik lagi cerdik.

11. Tidak dapat dinafikan bahawa usaha melahirkan anak baik lagi cerdik bukanlah sesuatu yang mudah, namun bukanlah pula sesuatu yang mustahil dilakukan. Sifat kesediaan dan keterbukaan menjadi ciri utama yang perlu ada dalam diri seorang guru. Dua ciri ini penting untuk guru berubah kepada apa-apa sahaja situasi dan amat diperlukan untuk berhadapan dengan cabaran semasa. Guru yang sentiasa bersedia, berupaya menimba ilmu pengetahuan dan memantapkan kemahiran yang ada, seiring dengan perkembangan dunia digital yang sentiasa berkembang dan berubah dengan penggunaan pelbagai aplikasi. Guru perlu bersifat terbuka dan bersedia untuk menerima, mempelajari, mencuba dan menggunakan apa jua cara melaksanakan PdP, walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Jika guru sering mengingatkan anak muridnya akan peri pentingnya untuk terus menimba ilmu, guru juga perlu terus belajar dan mempelajari sesuatu yang baharu, khususnya, yang dapat menjadikan mereka sentiasa berkompentensi tinggi. Guru yang berkompentensi tinggi dengan nilai sahsiah yang unggul, sudah pasti dapat melahirkan anak murid yang baik lagi cerdik.

## CABARAN DAN HARAPAN

Warga guru dan murid-murid yang dikasihi sekalian,

12. Murid kita pada hari ini, adalah mereka yang berada dalam era baharu, iaitu, era *Anthropocene*, manusia menjadi salah satu penggerak besar kepada perubahan lingkungannya. Era baharu ini merupakan dunia yang terhasil daripada kemajuan yang dicapai oleh sains dan teknologi ciptaan manusia. Dunia ini, dipenuhi dengan kepesatan perubahan alat teknologi yang semakin pantas dan meluas kebolehcapaiannya. Anak murid kita pada hari ini, dibanjiri lambakan maklumat dan persaingan untuk menghasilkan teknologi lebih maju, yang sudah pasti membawa bersama-samanya, kesan yang tidak selalunya mendatangkan manfaat pada semua. Justeru, perubahan selaju pergerakan cahaya ini, memerlukan kesiapsagaan guru untuk membentuk anak murid yang tinggi jati dirinya namun pada masa yang sama mampu berdaya saing intelektualnya.

13. Namun begitu, paling penting, guru perlu berupaya meraikan setiap kemajuan yang berjaya dicapai oleh murid walau sedikit manapun. Setiap peningkatan adalah satu kejayaan. Justeru, dengan keazaman untuk membina murid yang beradab, berakhlak dan berintegriti, maka warga guru seharusnya menjiwai Falsafah Pendidikan Guru yang dirangkulkan bersama-sama dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **PENUTUP BICARA**

Para guru yang saya hormati dan anak murid yang disayangi sekalian,

14. Marilah kita bersama-sama bergerak sederap dan senada, sebagai pemangkin yang membentuk generasi Madani berdasarkan acuan kita sendiri. Akhir kata, saya mendoakan kesejahteraan buat seluruh warga sekolah untuk terus berusaha dalam mencapai kecemerlangan.

**Terima kasih Cikgu!**

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Ketua Pengarah Pendidikan**

**16 Mei 2023**